

PROSES OTOMASI KOPERASI KAKITANGAN INSTITUT  
TEKNOLOGI MARA BERHAD.

DI SEDIAKAN UNTUK :

ENCIK KAMARUDDIN BIN SULAIMAN  
PENSYARAH  
MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (CSC 520)

DI SEDIAKAN OLEH :

- 1.ABD.JALIL BIN TAHIR
- 2.ABDULLAH ZAWAWI BIN TAHIR
- 3.AHMAD BIN ABD.RANI
- 4.AZMI BIN MOHD.ISA
- 5.HAKEMAL BIN HAWARI
- 6.HAMDI BIN OTHMAN
- 7.KAMSANI BIN AHMAD
- 8.MOHD.ZAKI BIN ABD.SHUKOR
- 9.OTHMAN BIN SOMADI

ADVANCED DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES  
(MARKETING )  
TAHUN SATU BAHAGIAN SATU.

TARIKH PENYERAHAN:

24HB. MEI 1990.

## PENGHARGAAN

Kumpulan kami ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terimakasih kepada Pensyarah Management Information System, Encik Kamaruddin bin Sulaiman di atas segala nasihat dan penyeliaan bagi menyediakan laporan ini.

Kumpulan kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada Encik Che Azman bin Ismail, Pemangku Setiausaha Kerja dan juga kakitangan Koperasi Kakitangan ITM Berhad kerana banyak membantu kami dan juga memberi penerangan-penerangan dan maklumat-maklumat mengenai operasi Kopersai ITM Berhad. Penerangan-penerangan dan maklumat-maklumat berkenaan amat berguna dalam menentukan kelicinan penyediaan laporan ini.

## KANDUNGAN

	Muka surat	
1.0	PENGENALAN	1
2.0	OBJEKTIF PENUBUHAN KOPERASI,	3
3.0	STRUKTUR ORGANISASI	4
3.1	CARTA KESELURUHAN ORGANISASI	
3.2	KOPERASI KAKITANGAN ITM BHD.	
4.0	SISTEM OPERASI SEKARANG (UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI)	7
A.	NAMA, ALAMAT DAN PENYELENGGARAAN	
B.	KEAHLIAN	
C.	PEMBAYARAN OLEH AHLI-AHLI	
D.	SIMPANAN KHAS	
E.	BERSARA DAN BERPUTRI	
F.	BERHENTI MENJADI AHLI	
G.	PINJAMAN-PINJAMAN	
H.	TABUNG KEUNTUNGAN DAN SIMPANAN KHAS	
I.	PENGURUSAN	
J.	MESYUARAT AGONG	
K.	PERSELISIHAN	
L.	PEMBUBARAN	
M.	TANGGUNGAN AHLI	
N.	AM	
5.0	SISTEM 'MANUAL' YANG SEDIA ADA	48
5.1	PENDAFTARAN AHLI	
5.2	PINJAMAN KREDIT TUNAI	
5.3	PINJAMAN SEWA BELI	
5.4	PEMBELIAN INSURAN	
5.5	PENDAPATAN KOPERASI	
5.6	PEMBAHAGIAN DIVIDEN	
6.0	MASALAH-MASALAH KERJA SECARA 'MANUAL'	56
6.1	MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG TIDAK KEMASKINI	
6.2	KESILAPAN	
6.3	PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN	
6.4	PENGGUNAAN KERTAS DAN BUKU DAFTAR YANG BANYAK	
6.5	PERTANYAAN BAKI PINJAMAN DAN PENJAMIN	

## KOPERASI KAKITANGAN ITM BERHAD

### 1.0 PENGENALAN

1.1 Koperasi Kakitangan ITM Berhad adalah merupakan satu Syarikat Kerjasama yang ditubuhkan oleh kakitangan ITM pada 28hb. November, 1968 yang bertujuan untuk menolong ahli-ahlinya berjimat cermat dan membantu mereka di dalam kesusahan.

1.2 Bermula dengan keahlian seramai 100 orang dengan kadar caruman wang sebanyak \$5.00 sebulan dan wang modal pusingan sebanyak \$15,000 sebulan, kini Koperasi memiliki keahlian seramai lebih 3,000 orang disamping modal terbayar (saham terkumpul) sebanyak \$6 juta.

1.3 Di antara kemudahan-kemudahan yang ditawarkan kepada ahli-ahli seperti berikut:-

- i. Kemudahan Pinjaman Kredit (maksima \$7,000).
- ii. Kemudahan Pinjaman 80% daripada nilai caruman yang terkumpul tanpa penjamin.
- iii. Kemudahan kredit sewa beli
  - a. alat-alat letrik
  - b. perabut rumah
  - c. tayar kereta
  - d. tayar dan bateri motosikal
  - e. insuran kereta/motor

f. dan lain-lain kemudahan yang disediakan.

#### 1.4 TABUNG KEBAJIKAN

- i. Telah ditubuhkan dan didaftarkan pada 1987
- ii. Membantu/menderma bagi penempatan ahli-ahli yang bersara berjumlah \$1,500.00.
- iii. Sumbangan kepada ahli yang disarakan dari ITM atas sebab-sebab kesihatan.
- iv. Sumbangan kepada anak-anak ahli yang berjaya mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan.
  - a. SRP - \$ 70.00 seorang anak ahli
  - b. SPM - \$100.00 seorang anak ahli
  - c. STPM - \$150.00 seorang anak ahli
- v. Sumbangan kerana kematian ahli sebanyak \$200.00 seorang.
- vi. Sumbangan kerana kematian tanggungan ahli sebanyak \$150.00 seorang.
- vii. Dan lain-lain sumbangan yang diperuntukkan dalam undang-undang kecil Tabung Kebajikan.